

Kementerian Wilayah kenal pasti 178 lokaliti keluarga miskin di ibu negara

# 30,000 penduduk perlu bantuan

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**PETALING JAYA** – Kementerian Wilayah Persekutuan menganggarkan kira-kira 30,000 keluarga di ibu negara berada di bawah di bawah Had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu RM2,208 sebulan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa berkata, jumlah itu dikenal pasti di 178 lokaliti di sekitar ibu negara terutama membabitkan penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang memerlukan bantuan sewajarnya.

“Terdapat kira-kira 63,000 keluarga di PPR di ibu negara ketika ini dengan separuh daripada mereka di bawah garis kemiskinan, ini bermakna terdapat lebih 30,000 keluarga.

“Keluarga ini perlu dibantu. Hidup di bandar raya dengan jumlah (pendapatan) itu segalanya jadi tidak cukup. Harus ada perancangan khusus untuk mereka,” katanya pada sidang akhbar Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2021 di sini semalam.

Mengulas lanjut, Annuar bagaimanapun berkata, maklu-



**SEBANYAK 178 lokaliti keluarga miskin berpendapatan bawah RM2,000 dikesan termasuk mereka yang tinggal di PPR di sekitar ibu negara.** – GAMBAR HIASAN

mat mengenai keluarga miskin di ibu negara akan diselaraskan berdasarkan rekod yang ada pada setiap jabatan dan agensi

berkaitan.

Jelas beliau, rekod yang ada pada Kementerian Wilayah Persekutuan lebih 20,000 ke-

uarga, manakala Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (23,000) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (13,000).

“Saya percaya angka ini bertindih dan kita harap ia akan diselaraskan,” ujarnya.

Dalam pada itu, katanya, golongan gelandangan yang diselamatkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) daripada kehidupan di kaki lima akan menyertai program Pertanian Bandar.

Jelasnya, program itu antara konsep baharu yang diperkenalkan bagi membantu golongan tersebut.

“Dahulu kita salurkan mereka bekerja di kilang-kilang dan sebagainya. Bagi mereka yang tidak mahu bekerja (di kilang-kilang), kita akan buka ladang di bawah program *Urban Farming*.

“Kita sedang mengusahakan konsep baharu ini dan ia boleh menempatkan antara 100 sehingga 200 gelandangan,” jelasnya.

Katanya, beliau menyedari kewujudan semula gelandangan di ibu negara selepas program menyelamatkan mereka dilakukan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0.

“Golongan itu tidak mahu berhijrah ke tempat lain untuk membina kehidupan baharu kerana mahu terus berada di ibu negara,” jelasnya.